

DALAM MAHKAMAH SESYEN 8 DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
KES TANGKAP JENAYAH NO : BA-62JSK-20-02/2023

ANTARA

PENDAKWA RAYA

LAWAN

YUSMAN BIN ALIP
(NO. K/P: 710318106355)

ALASAN PENGHAKIMAN
(DI AKHIR KES PENDAKWAAN)

Pengenalan

- [1] Rayuan ini difailkan oleh pihak pendakwaan yang tidak berpuas hati terhadap perintah Mahkamah pada 13 Februari 2025 yang telah melepas dan membebaskan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri daripada pertuduhan pindaan berhubung dengan kesalahan di bawah **Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap kanak-Kanak 2017 (Akta 792)** dan dibaca bersama **Seksyen 16(1) Akta yang sama**.



- [2] Tertuduh dalam kes di hadapan Mahkamah ini telah dituduh dengan pertuduhan pindaan di bawah **Seksyen 14(a) Akta 792 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama** sebagaimana berikut:

PERTUDUHAN PINDAAN (Lampiran 8 dalam CMS)

“Bahawa kamu pada bulan Jun 2021 antara jam 7.00 petang hingga 7.00 pagi bertempat di pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan, Bukit Kuda, Kawasan 15, 41300 di dalam daerah Klang, dalam negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai orang yang mempunyai hubungan amanah iaitu bapa tiri, telah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tiri perempuan kamu bernama xxxxxx binti xxxx (No. K/P: 11xxxx-10-xxxx) berumur 9 tahun dengan cara menggosok jari kamu di kemaluan kanak-kanak tersebut bagi tujuan seksual. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama.

Hukuman Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak:

Pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.



Hukuman Seksyen 16(1) Akta yang sama:

Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua sebatan.”

- [3] Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pindaan yang dihadapkan. Kes ini telah dibicarakan di mana pendakwaan telah dijalankan oleh TPR Puan Ruthra Raj Selvarajoo, manakala tertuduh pula telah diwakili oleh Encik Ameerul Aizat bin Noor Haslan dari Tetuan Ameerul Aizat.
- [4] Pihak pendakwaan telah mengemukakan 3 orang saksi untuk memberikan keterangan seperti berikut:
- i) SP1 - Ibu mangsa (Noryusnita binti Mohamed Abdul)
 - ii) SP2 - Mangsa kanak-kanak (xxxx binti xxxxx)
 - iii) SP3 - Pegawai Penyiasat kes (Inspektor Nor Atikah binti Muhiddin)
- [5] Semasa perbicaraan, sebagai tambahan kepada keterangan mangsa (SP2) dan ibu mangsa (SP1) di dalam kes di hadapan Mahkamah ini, pihak pendakwaan dan pembelaan telah bersetuju untuk mengguna pakai keterangan oleh kedua-dua saksi ini di dalam kes BA-62JSK-19-2023 ke dalam kes yang dibicarakan di hadapan Mahkamah ini, memandangkan SP1 dan SP2 di dalam kes di hadapan Mahkamah ini merupakan individu yang sama sepertimana di dalam kes BA-62JSK-19-



02/2023, yang mana melibatkan tertuduh yang sama. Permohonan pihak pendakwaan dan pembelaan ini telah dibenarkan oleh Mahkamah.

- [6] Sehubungan dengan itu, Mahkamah juga turut memperhalusi keterangan mangsa (SP3) dan ibu mangsa (SP2) di dalam kes BA-62JSK-19-2023 semasa membuat keputusan di akhir kes pendakwaan bagi kes di hadapan Mahkamah ini.
- [7] Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah telah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan pindaan tanpa dipanggil untuk membela diri di akhir kes pendakwaan.

FAKTA KES PENDAKWAAN

- [8] Mangsa (SP2) dalam kes di hadapan Mahkamah ini merupakan seorang kanak-kanak perempuan berumur lebih kurang 10 tahun semasa kejadian berlaku. Tertuduh yang merupakan bapa tiri mangsa bekerja sebagai jaga keselamatan di Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan, Bukit Kuda, Kawasan 15, 41300, di dalam daerah Klang (selepas ini dikenali sebagai Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan, Klang)
- [9] Mangsa mendakwa tertuduh sebagai orang yang mempunyai hubungan amanah iaitu bapa tiri, telah melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa dengan cara menggosok jari tertuduh pada kemaluan mangsa semasa mangsa sedang



tidur di pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan, Klang.

[10] Pada 10 November 2021, jam lebih kurang jam 1740hrs, semasa SP1 berada di dalam kereta bersama-sama dengan mangsa dan tertuduh di kawasan Seri Kembangan, berlaku salah faham antara SP1 dan tertuduh sehingga menyebabkan tertuduh keluar dari kereta. Pada masa tersebut, mereka sedang menunggu kakak mangsa, Nur Izlyn Melisa pulang dari kerja. Sebaik sahaja tertuduh keluar dari kereta, mangsa telah memeluk SP1 dari belakang sambil menangis dan menyatakan bahawa mangsa membenci tertuduh. Mangsa memaklumkan kepada SP1 bahawa sekitar bulan Jun 2021, tertuduh yang merupakan bapa tirinya (kini merupakan bekas bapa tiri) telah menggosok jari tertuduh pada kemaluan mangsa semasa mangsa sedang tidur bersama-sama dengan SP1 di dalam pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan, Klang.

[11] Pada hari kejadian, mangsa menyatakan bahawa ketika mangsa telah masuk tidur bersama SP2 di dalam pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg Kuantan, Klang, tertuduh sedang berehat di atas kerusi malas di luar pondok pengawal. Kemudian, tertuduh telah masuk ke dalam pondok pengawal tersebut dan baring di sebelah SP1. Pada masa tersebut, SP1 baring di antara mangsa dan tertuduh, dengan kedudukan mangsa di sebelah kanan (berhampiran dinding pondok), SP1 berada di tengah, manakala tertuduh pula



berada di sebelah kiri SP1. SP1 dikatakan baring menghadap ke arah tertuduh. Mangsa seterusnya menyatakan bahawa tertuduh telah memeluk SP1, dan dengan perlahan-lahan, tertuduh telah menarik baju mangsa ke atas. Pada masa tersebut, mangsa memakai baju dan seluar tidur. Tertuduh kemudiannya telah memasukkan jarinya ke dalam seluar dalam mangsa dan seterusnya menggosok kemaluan mangsa.

[12] Mangsa mengatakan bahawa semasa kejadian, mangsa telah cuba menggerakkan SP1 yang ketika itu sedang tidur dan baring di sebelah mangsa, namun SP1 tidak sedarkan diri dan hanya menggerakkan badan sahaja. Tertuduh kemudiannya berhenti menggosok kemaluan mangsa dan telah mengalihkan tangannya keluar. Selepas itu, tertuduh telah tidur disebelah SP1, manakala mangsa pula terus tidur.

[13] Mangsa hanya mendedahkan kejadian tersebut kepada SP1 pada 10 November 2021, selepas melihat SP1 dan tertuduh bertengkar di dalam kereta. Ekoran pendedahan tersebut, SP1 kemudiannya telah membawa mangsa ke balai polis untuk membuat laporan polis, dan siasatan telah dijalankan oleh pihak polis terhadap tertuduh.



BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[14] **Seksyen 173(h) Kanun Tatacara Jenayah** memperuntukkan bahawa—

- (i) *If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged, the Court shall call upon the accused to enter on his defence.*
- (ii) *If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on an offence other than the offence charged which the Court is competent to try and which in the opinion of the Court it ought to try, the Court shall amend the charge.*
- (iii) *For the purpose for subparagraphs (i) and (ii), a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.”*

[15] **Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah** memperuntukkan bahawa —

- (1) *When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether*



the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

(2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

(3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

(4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[16] Oleh yang demikian, merujuk kepada s.173(h) dan s.180 Kanun Tatacara Jenayah, beban pembuktian di akhir kes pendakwaan adalah prima facie. Maksud prima facie adalah *maximum evaluation of the prosecution's evidence and if unrebutted it would warrant the accused's conviction*. Maksud prima facie ini telah pun dijelaskan dalam kes-kes Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah ini telah merujuk kepada kes-kes **Balachandran v Pendakwa Raya**



[2005] 1 CLJ 8 dan Looi Kow Chai dan Anor v Pendakwa Raya [2003] 1 CLJ 734.

[17] Mahkamah Persekutuan dalam kes **Balachandran v Pendakwa Raya [2005] 1 CLJ 85** telah memutuskan bahawa-

“Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s. 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms. The submission made must therefore be ratiocinated against the background of the meaning of the phrase "prima facie case" in s. 180. Section 180(2) provides that the court shall record an order of acquittal if a prima facie case has not been made out while s. 180(3) provides that if a prima facie case has been made out the accused shall be called upon to enter his defence. A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase "prima facie case" is defined in similar terms in Mozley and Whiteley's Law Dictionary, 11th edn as:



A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of s. 180(2) and (3). Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so



*because a determination on facts is a matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. **The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.***

- [18] Mahkamah Rayuan dalam kes **Looi Kow Chai dan Anor v Pendakwa Raya [2003] 1 CLJ 734** pula telah memutuskan bahawa—

“Di bawah s. 180 Kanun Prosedur Jenayah (Dikaji 1999), tanggungjawab seseorang hakim, yang bersidang secara sendirian, di akhir kes pendakwaan, adalah untuk menentukan, selaku pengadil fakta, sama ada pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh. Hakim hanya mempunyai satu pertimbangan untuk dibuat; beliau mestilah mentaklukkan keterangan pendakwaan



kepada suatu penilaian maksima dan selepas itu menanya dirinya soalan ini: sekiranya aku memutuskan untuk memanggil tertuduh untuk membela diri, dan dia memilih untuk berdiam diri, adakah aku akan mensabitkannya berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan? Jika jawapannya negatif, maka tiada kes prima facie dibuktikan, dan tertuduh berhak untuk dibebaskan. (Mentaklukkan keterangan pendakwaan kepada penilaian maksima untuk menentukan sama ada pembelaan patut dipanggil tidak bermakna bahawa pendakwaan perlu membuktikan kesnya di luar keraguan munasabah di peringkat peralihan tersebut).”

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DIAKHIR KES PENDAKWAAN

[19] Di akhir kes pendakwaan, Mahkamah perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya (mangsa/SP2) yang masih kanak-kanak sebagaimana yang telah dipertuduhkan dalam kes di hadapan Mahkamah ini ataupun tidak.

[20] **Seksyen 14(a) Akta 792** memperuntukan seperti berikut:

“14. Amang seksual fizikal atas kanak-kanak



Mana-mana orang yang, bagi maksud seksual-

- a) Menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak;*
- b) Membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain*
- c) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau*
- d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan,*

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.”

Huraian 1—Perbuatan menyentuh boleh melibatkan perbuatan menyentuh dengan menggunakan mana-mana bahagian badan atau dengan suatu objek dan boleh dilakukan melalui apa-apa sahaja termasuk



apa-apa sahaja yang dipakai oleh orang yang menyentuh atau kanak-kanak yang disentuh.

Huraian 2—Dalam menentukan apakah yang menjadi maksud seksual, Mahkamah boleh menimbangkan, antara lain, bahagian badan yang disentuh, sifat dan takat perbuatan menyentuh atau kontak fizikal dan semua hal keadaan lain yang berkenaan dengan perlakuan itu.”

[21] Berdasarkan kepada **Huraian 1 seksyen 14 Akta 792**, perbuatan menyentuh boleh melibatkan sentuhan dengan menggunakan mana-mana bahagian badan oleh tertuduh, dan “*maksud seksual*” berdasarkan **Huraian 2 seksyen 14 Akta 792** pula ialah Mahkamah boleh menimbangkan, antara lain bahagian badan yang disentuh, sifat dan takat perbuatan menyentuh tersebut.

[22] Manakala **seksyen 16 Akta 792** pula memperuntukkan seperti berikut :

“16 Orang yang mempunyai hubungan amanah

- 1) Jika seseorang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual terhadap seseorang kanak-kanak, mempunyai hubungan amanah dengan kanak-kanak itu, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada hukuman*



yang dia boleh dikenakan bagi kesalahan itu, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua sebatan.

2) Dalam seksyen ini, seseorang dikatakan mempunyai hubungan amanah dengan seseorang kanak-kanak jika kanak-kanak itu berada di bawah pemeliharaan, pengawasan atau kuasanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada-

- a) ibu atau bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah seibu sebapa
- b) atau pertalian darah seibu atau sebapa, atau melalui perkahwinan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan de facto;
- c) ... ;
- d) ... ;
- e) ... ;
- f) ... ; dan
- g)

[23] Oleh itu, berikut adalah elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan pada tahap prima facie bagi kesalahan di bawah seksyen **14(a) Akta 792 dibaca** bersama seksyen **16(1) Akta yang sama** dalam kes di hadapan Mahkamah ini sebagaimana pertuduhan pindaan :



- i. Mangsa adalah seorang kanak-kanak;*
- ii. Tertuduh telah bagi maksud seksual menyentuh mana-mana bahagian badan mangsa dengan cara menggosok jari tertuduh pada kemaluan mangsa; dan*
- iii. Tertuduh adalah ayah/bapa tiri kepada mangsa.*

ELEMEN PERTAMA – MANGSA ADALAH SEORANG KANAK-KANAK

[24] **Seksyen 2(1) Akta 792** mentafsirkan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun sebagaimana peruntukkan berikut:-

“(1) Akta ini hendaklah terpakai bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun dan sekiranya Akta ini berhubung dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, bagi kanak-kanak yang berumur sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang bertulis itu.”

[25] Menurut mangsa, kejadian berlaku pada sekitar bulan Jun 2021. Mangsa dilahirkan pada 22 September 2011. Mangsa memberi keterangan di Mahkamah pada 6 dan 7 November 2024 bagi kes no BA-62JSK-20-02/2023, manakala bagi kes di hadapan Mahkamah ini, mangsa telah memberikan keterangan pada 19 November 2024. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan umur mangsa apabila mengemukakan



sijil kelahiran mangsa seperti di ekshibit P1 melalui ibu mangsa (SP1) semasa perbicaraan. Oleh yang demikian, mangsa berusia 9 tahun 9 bulan semasa kejadian dan berusia 13 tahun 2 bulan semasa memberikan keterangan di Mahkamah. Disamping itu, pihak pembelaan juga tidak pernah membangkitkan sebarang pertikaian mengenai usia mangsa tersebut. Sehubungan dengan itu, Mahkamah mendapati bahawa semasa kejadian pada sekitar bulan Jun 2021, mangsa berusia di bawah umur 18 tahun, dan mangsa adalah merupakan seorang kanak-kanak sebagaimana tafsiran di bawah **seksyen 2(1) Akta 792**. Oleh yang demikian, elemen pertama pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

ELEMEN KEDUA – TERTUDUH TELAH BAGI MAKSUD SEKSUAL MENYENTUH MANA-MANA BAHAGIAN BADAN MANGSA (SP2) DENGAN CARA MENGGOSOK JARI TERTUDUH PADA KEMALUAN MANGSA

- [26] Bagi elemen kedua ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan tindakan tertuduh menggosok jari tertuduh pada kemaluan mangsa adalah dengan maksud seksual.
- [27] Kelonggaran syarat pembuktian dalam kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah diperuntukkan di **bawah seksyen 17 dan seksyen 18 Akta 792**.



[28] **Seksyen 17 Akta 792** memperuntukkan seperti berikut:

17. Anggapan keupayaan saksi kanak-kanak

“Walau apapun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya mangsa ialah kanak-kanak, seseorang kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika Mahkamah berpendapat selainnya.”

[29] Manakala **Seksyen 18 Akta 792** pula memperuntukkan seperti berikut:

18. Keterangan saksi kanak-kanak

“Walau apapun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa adalah kanak-kanak, Mahkamah boleh mensabitkan orang itu bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.”



- [30] Berdasarkan **seksyen 17** dan **seksyen 18 Akta 792**, kanak-kanak adalah kompeten untuk memberikan keterangan dan keterangan saksi kanak-kanak yang tidak bersumpah boleh diterima serta satu sabitan berdasarkan keterangan tersebut adalah selamat.
- [31] Mahkamah ini mengambil maklum mengenai pemansuhan **seksyen 17** dan **seksyen 18 Akta 792** yang berkuatkuasa pada 3 Mac 2025. Namun demikian, memandangkan mangsa telah memberi keterangan pada 6, 7 dan 19 November 2024, iaitu sebelum pemansuhan **seksyen 17** dan **seksyen 18 Akta 792** tersebut, maka **seksyen 17** dan **Seksyen 18 Akta 792** masih lagi terpakai bagi kes di hadapan Mahkamah ini.
- [32] Di dalam kes di hadapan Mahkamah ini, mangsa merupakan seorang kanak-kanak perempuan berbangsa Melayu yang baru berusia 13 tahun 2 bulan semasa memberikan keterangan di Mahkamah pada 6, 7 dan 19 November 2024. Oleh itu, Mahkamah dengan dibantu oleh pihak pendakwaan telah mengadakan pemeriksaan awal terhadap mangsa untuk memastikan mangsa memahami maksud sumpah dan faham tanggungjawab bercakap benar di dalam Mahkamah sebelum membenarkan mangsa mengangkat sumpah. Mahkamah mendapati dan berpuas hati bahawa mangsa memahami maksud sumpah dan memahami akibat daripada tidak bercakap benar. Oleh yang demikian, Mahkamah



membenarkan mangsa memberikan keterangan secara bersumpah.

- [33] Disamping itu, walaupun terdapat peruntukkan **seksyen 17 Akta 792** di dalam menilai keterangan yang diberikan oleh mangsa, Mahkamah telah mengingatkan diri sendiri untuk menerima keterangan mangsa secara berhati-hati kerana mangsa merupakan saksi kanak-kanak. Mahkamah harus melihat bagaimana “demeanour” dan cara mangsa ini memberikan keterangan sepanjang perbicaraan di Mahkamah. Mahkamah merujuk kepada kes **Razi Bin Amni v PP (2010) 7 MLJ 756, Ahmadi Asnawi JC** yang menyatakan seperti berikut:

“...[5] It is trite that it is the business of the trial judge to assess and appraise the credibility of the witness appearing before him. It is for him to make a proper assessment of the witness upon the evidence given as tested against the whole of the evidence in its entirety and tested against all the probabilities of the case.

To a certain extend he is aided by the demeanour of the said witness testifying before him. The witness's promptitude or hesitation in answering the questions, the mannerism in answering the questions, the reactions to the questions put, the tone of the voice, the stares and blink of the eyes,



the overall intelligence, and a hosts of other minute body language were all said to have played a role in such appraisal. Having seen and heard the witness, the trial judge is the best person to make out the kind of witness testifying before him. It is therefore his primary business to appraise whether the witness is a credible witness of truth and that his/her testimony is worthy of acceptance without more.”

- [34] Berdasarkan prinsip yang diputuskan dalam kes **Razi Bin Amni v PP (Supra)**, Mahkamah ini telah meneliti keseluruhan keterangan mangsa berkenaan dengan dakwaan bahawa tertuduh telah menggosok kemaluan mangsa. Mahkamah telah meneliti tindak tanduk mangsa serta menilai satu persatu keterangan mangsa mengenai kejadian tersebut semasa mangsa memberi keterangan di Mahkamah. Keterangan mangsa telah diperhalusi oleh Mahkamah daripada segenap sudut.
- [35] Mangsa di dalam keterangannya menyatakan bahawa tertuduh telah menggosok kemaluan mangsa semasa mangsa sedang baring di sebelah SP1 di dalam pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg. Kuantan. Mangsa telah menceritakan secara terperinci mengenai perlakuan tertuduh pada hari kejadian tersebut, termasuk menerangkan posisi baring mangsa, SP1 dan tertuduh. Keterangan ini turut disertakan dengan demonstrasi menggunakan anak patung anatomi semasa perbicaraan berlangsung.



[36] Namun demikian, Mahkamah mendapati bahawa keterangan mangsa berkenaan kejadian tersebut tidak boleh dipercayai dan merupakan rekaan semata-mata, walaupun diceritakan secara terperinci. Ini adalah kerana Mahkamah telah berpeluang menilai “demeanour” mangsa semasa memberi keterangan secara bersumpah di Mahkamah. Walaupun Mahkamah sedar bahawa seorang kanak-kanak tidak boleh diukur dengan standard keterangan orang dewasa, namun kelakuan serta cara penyampaian keterangan oleh mangsa menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap kebenaran keterangannya.

[37] Mahkamah telah memberi perhatian penuh terhadap cara penyampaian dan kelakuan mangsa ketika memberi keterangan berhubung kejadian yang didakwa berlaku. Walaupun Mahkamah mengambil maklum bahawa reaksi kanak-kanak terhadap trauma boleh berbeza-beza, namun pemerhatian Mahkamah dalam kes ini menimbulkan keraguan terhadap ketulenan keterangan yang diberikan oleh mangsa. Gaya percakapan, perlakuan serta gerak tubuh badan mangsa semasa memberikan keterangan menunjukkan bahawa mangsa bukanlah seorang saksi yang kredibel dan boleh dipercayai. Keterangan yang diberikannya adalah tidak probable. Ini adalah kerana ketika mangsa memberikan keterangan melalui pautan video (*video link*), mangsa dilihat kerap membetulkan rambutnya sambil melihat ke arah kamera pada skrin monitor desktop di hadapannya. Mangsa juga kelihatan turut membetulkan pakaiannya berulang kali serta



menggoyangkan kerusi yang didudukinya, sambil menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahupun pembelaan berhubung dengan kejadian tersebut dengan begitu lancar, walaupun kejadian tersebut telah berlaku kira-kira 3 tahun sebelum perbicaraan.

- [38] Mahkamah mendapati bahawa mangsa tidak menunjukkan sebarang usaha untuk mengingati semula peristiwa yang berlaku, sebaliknya menjawab dengan terlalu sempurna, tanpa tersekat-sekat, dan hanya focus untuk membetulkan rambutnya sahaja semasa menjawab soalan yang diajukan.
- [39] Sepanjang memberikan keterangan juga, mangsa kelihatan tidak serius, malah seolah-olah sedang menceritakan sesuatu perkara yang remeh, bukannya satu peristiwa hitam yang memberi kesan mendalam terhadap dirinya. Penyampaian keterangannya kelihatan seperti dihafal, bersifat mekanikal dan tidak lahir daripada hati.
- [40] Disamping itu, Mahkamah juga mendapati bahawa mangsa langsung tidak menunjukkan sebarang kesan trauma atau kesan emosi ketika menceritakan kejadian yang didakwa tersebut. Keadaan mangsa yang kelihatan tenang, tidak terganggu dan tidak terkesan semasa memberikan keterangan menimbulkan inferens bahawa kejadian tertuduh menggosok kemaluan mangsa tersebut sebenarnya tidak berlaku.



- [41] Oleh itu, berdasarkan pemerhatian secara langsung terhadap kelakuan dan penyampaian keterangan mangsa, Mahkamah mendapati bahawa keterangan mangsa tidak membawa ciri-ciri keterangan yang meyakinkan serta tidak mencerminkan kebenaran yang datang daripada pengalaman sebenar.
- [42] Berdasarkan keterangan mangsa, kejadian menggosok kemaluan tersebut berlaku ketika mangsa sedang baring betul-betul bersebelahan dengan SP1 di dalam pondok pengawal. Mangsa menyatakan bahawa beliau baring di sebelah kanan (berhampiran dinding pondok), manakala SP1 pula baring di sebelah kirinya. Ketika itu, tertuduh telah masuk ke dalam pondok dan baring di sebelah kiri SP1, di mana SP1 menghadap ke arah tertuduh. Tertuduh kemudiannya memeluk SP1 dan secara perlahan-lahan menarik baju mangsa ke atas, memasukkan jarinya ke dalam seluar dalam mangsa, lalu menggosok kemaluan mangsa. Mangsa pada ketika itu memakai baju dan seluar tidur. Mangsa turut menyatakan bahawa beliau cuba menggerakkan SP1, namun SP1 hanya menggerakkan badannya dan tidak sedarkan diri. Tertuduh kemudian menghentikan perbuatannya dan mengalihkan tangannya keluar. Keterangan mangsa berhubung kedudukan mereka bertiga di dalam pondok pengawal tersebut semasa tertuduh didakwa menggosok kemaluannya adalah seperti berikut:

“Q: Masa kamu tidur tu kamu baring macam mana?”

A: Saya baring melintang, macam hari tu, hari bicara hari tu.



Q: *Boleh tak kamu ambil patung dan tunjukkan macam mana kamu baring tu?*

Mah:

(SP2 ambil anak patung anatomi perempuan dan tunjukkan cara baring melintang)

SP2:

Ibu baring mengiring macam ni hadap Yusman. Dia baring ke kiri, membelakangkan saya.

Mah:

(SP2 tunjukkan patung baring mengiring ke sebelah kiri.)

Q: *Lepas Yusman masuk dalam pondok tu dia buat apa?*

A: *Dia terus baring sebelah mak, sebelah kiri.*

Q: *Dia baring macam mana?*

A: *Baring menghadap mak.*

Q: *Masa tu mak dah tidur ke baru nak tidur?*

A: *Dah tidur.*

Q: *Macam mana kamu tahu yang Yusman baru masuk tu?*

A: *Sebab masa tu baru nak tidur.*

Q: *Memang nampak la Yusman baru masuk?*

A *Iya.*



Q: *Pondok tu ada lampu ke?*

A: *Ada.*

Q: *Lampu tu buka ke?*

A: *Iya buka.*

Q: *Ada tak lampu ditutup atau lampu tu sentiasa dibuka je?*

A: *Sentiasa buka.*

Q: *Kamu kata lepas Yusman baring sebelah mak, apa yang Yusman buat?*

A: *Dia peluk mak lepastu tangan dia dekat saya.*

Q: *Tangan yang mana?*

A: *Tak ingat.*

Q: *Tangan dia kat saya tu maksud dia apa*

A: *Tangan dia dekat badan saya.*

Q: *Apa yang dia buat?*

A: *Mula-mula dia peluk mak saya, kemudian tangan dia kat saya. Kemudian tangan dia slow-slow masuk ke seluar dalam.*

Q: *Masa tu kamu pakai baju apa?*

A: *Baju tidur.”*



- [43] Setelah meneliti keterangan mangsa, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan mangsa, iaitu tertuduh telah menggosok kemaluan mangsa, adalah tidak munasabah apabila mengambil kira kedudukan SP1 yang berbaring di tengah-tengah antara mangsa dan tertuduh. Mangsa dikatakan berbaring di sebelah kanan SP1 (berhampiran dinding pondok), manakala tertuduh pula berbaring di sebelah kiri SP1. Oleh itu, adalah sukar bagi Mahkamah untuk mempercayai bahawa tertuduh dapat melakukan perbuatan memasukkan tangan ke dalam seluar dalam mangsa, dan seterusnya menggosok kemaluan mangsa tanpa disedari atau diganggu oleh SP1 yang berada di tengah-tengah mereka, lebih-lebih lagi memandangkan ruang pondok pengawal tersebut adalah sempit. Rujuk gambar lokasi tempat kejadian pada gambar 6 dan 8 dalam ekshibit P1.
- [44] Di samping itu, Mahkamah turut meragui keterangan mangsa mengenai kejadian tertuduh menggosok kemaluan mangsa, apabila mengambil kira faktor persekitaran tempat kejadian. Keterangan menunjukkan bahawa semasa kejadian berlaku, pintu pondok pengawal tersebut dibiarkan terbuka luas dan kawasan berkenaan juga mempunyai pencahayaan yang mencukupi kerana lampu di dalam dan sekitar pondok sentiasa terpasang dan tidak ditutup. Tambahan pula, berdasarkan keterangan, seorang lagi individu, iaitu tukang kebun yang juga merupakan pengawal keselamatan turut sama-sama bertugas di kawasan sekolah pada masa tersebut.



[45] Selain itu, Mahkamah juga berpendapat bahawa keterangan mangsa mengenai kejadian tertuduh menggosok kemaluannya turut menimbulkan keraguan. Sekiranya kejadian tersebut benar-benar berlaku, adalah munasabah untuk mangsa menjerit atau mengejutkan SP1 yang sedang baring betul-betul di sebelah mangsa. Ini kerana berdasarkan keterangan, tangan dan kaki mangsa tidak diikat, dan mulutnya juga tidak ditutup oleh tertuduh. Namun, mangsa tidak berbuat demikian.

[46] Mangsa dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau tidak menjerit kerana takut tertuduh akan menggunakan peralatan tajam sekiranya beliau menjerit, sepertimana keterangan mangsa semasa disoal-balas oleh Timbalan Pendakwa Raya di peringkat Pemeriksaan Utama seperti berikut:

“Q: Nampak dia gosok?”

A: Iya.

Q: Masa tu kamu buat apa?

A: Baring.

Q: Masa dia masukkan jari tu kamu tak cakap apa-apa ke?

A: Ada gerak-gerakkan mak.

Q: Kamu tak jerit ke atau buat apa-apa masa tu?

A: Tak.



Q: *Kenapa?*

A: *Sebab takut.*

Q: *Kenapa kamu takut?*

A: *Sebab dalam tu ada benda tajam.*

Q: *Benda tajam macam apa?*

A: *Gunting.”*

[47] Setelah meneliti keseluruhan keterangan mangsa, Mahkamah mendapati bahawa alasan yang diberikan oleh mangsa iaitu beliau tidak menjerit kerana takut tertuduh akan menggunakan peralatan tajam adalah tidak munasabah. Ini kerana tiada sebarang keterangan menunjukkan bahawa tertuduh telah menggunakan kekerasan atau mengugut mangsa dengan sebarang senjata semasa kejadian berlaku.

[48] Selain itu, semasa memberi keterangan di Mahkamah, mangsa sendiri turut mengakui bahawa beliau tidak pernah mempunyai sebarang masalah dengan tertuduh sebelum kejadian yang didakwa berlaku pada bulan Julai 2021, iaitu kejadian menjilat kemaluan mangsa, di mana tertuduh telah dituduh melakukan kesalahan amang seksual terhadap mangsa dengan cara menjilat kemaluan mangsa dalam kes yang berasingan yang berlaku pada bulan Julai 2021 (BA-62JSK-19-02-2023). Mahkamah ini mengambil perhatian bahawa kejadian yang dibicarakan dalam kes di hadapan Mahkamah ini, iaitu kejadian menggosok kemaluan mangsa



oleh tertuduh, berlaku lebih awal iaitu pada bulan Jun 2021. Maka, timbul persoalan bagaimana mangsa boleh menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang masalah dengan tertuduh sebelum bulan Julai 2021, sedangkan kejadian Jun 2021 tersebut adalah dakwaan serangan seksual yang serius. Pengakuan tersebut telah dibuat sendiri oleh mangsa semasa sesi Pemeriksaan Balas oleh Peguambela tertuduh di dalam kes BA-62JSK-19-02-2023 seperti berikut:

“Q: Sebelum kejadian jilat, Baby ok kan dengan Yusman?

A: Okay.

Q: Sebab tu Baby okay tidur dengan ibu dan Yusman dalam bilik ibu dan Yusman tu kan?

A: Aaa.

Q: Kalau Baby tak okay dengan Yusman, mesti Baby takde mood untuk tidur dengan ibu dan Yusman dan bilik tidur tu?

A: Betul.”

[49] Pengakuan yang dibuat oleh mangsa tersebut jelas menimbulkan persoalan terhadap konsistensi dan ketulenan dakwaan yang dikemukakan oleh mangsa. Mahkamah berpendapat bahawa wujud percanggahan yang ketara apabila mangsa menyatakan tiada sebarang masalah dengan



tertuduh sebelum bulan Julai 2021, sedangkan kejadian yang menjadi asas kepada pertuduhan dalam kes di hadapan Mahkamah ini berlaku pada bulan Jun 2021. Percanggahan ini secara langsung menjejaskan kredibiliti mangsa sebagai saksi, dan menimbulkan keraguan terhadap kebenaran dakwaan yang dibuat oleh mangsa tersebut.

- [50] Tambahan pula, mangsa di dalam keterangannya juga menyatakan bahawa sepanjang tempoh perkahwinan antara tertuduh dan SP1, sehinggalah mereka berdua bercerai, tertuduh tidak pernah memukul atau mencederakan mangsa, seperti yang dinyatakan oleh mangsa semasa Pemeriksaan Balas oleh Peguambela tertuduh seperti berikut:

“Q: Sebelum kejadian jilat tu, Yusman tak pernah pukul Baby ke apa kan?”

A: Aaa tak pernah.”

- [51] Disamping itu, tiada sebarang keterangan daripada mana-mana saksi pendakwaan yang menunjukkan bahawa tertuduh merupakan seorang yang panas baran, sering memukul mangsa, ataupun mangsa pernah merasa takut terhadap tertuduh sepanjang tempoh mereka tinggal bersama di rumah Suria Jaya E-Soho, Shah Alam. Sehubungan itu, keterangan mangsa bahawa tertuduh akan menggunakan peralatan tajam seperti gunting sekiranya mangsa menjerit ketika kejadian menggosok kemaluannya adalah meragukan dan tidak meyakinkan. Keterangan tersebut tidak selamat untuk diterima oleh Mahkamah, khususnya apabila mengambil kira bahawa



mangsa sendiri mengakui tidak pernah mempunyai sebarang masalah dengan tertuduh sebelum kejadian, dan bahawa tertuduh tidak pernah memukulnya.

- [52] Mahkamah juga turut menilai tingkah laku mangsa semasa, dan selepas kejadian, dan mendapati ianya tidak selari dengan dakwaan bahawa beliau telah menjadi mangsa serangan seksual. Walaupun mangsa mengatakan bahawa beliau berasa takut dan geli semasa kejadian gosok kemaluannya tersebut, namun selepas kejadian tersebut, mangsa masih boleh terus sambung tidur di dalam pondok pengawal tersebut, manakala tertuduh pula baring di sebelah SP1 sepertimana keterangan mangsa semasa peringkat Pemeriksaan Utama seperti berikut:

“Q: Lepas dia alihkan tangan dia masih dekat situ ke atau dia dah keluar dah?”

A: Dia baring kat situ lagi.

Q: Lepas tu kamu buat apa?

A: Tidur.

Mah:

Q: Tadi bila kak Ruth tanya lepas dia buat tu kamu buat apa, kamu kata kamu gerakkan mak lepas tu dia tarik tangan dia keluar dan keluar daripada pondok.

A: Tak dia still baring dekat mak.”



- [53] Mahkamah berpendapat bahawa sekiranya benar seperti yang didakwa oleh mangsa bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya semasa mangsa sedang baring di dalam pondok pengawal tersebut, adalah tidak munasabah untuk mangsa terus kekal di situ tanpa sebarang reaksi yang sepadan dengan kejadian tersebut.
- [54] Mahkamah mendapati bahawa reaksi spontan mangsa terhadap kejadian tersebut adalah tidak konsisten dengan dakwaan perasaan takut dan geli terhadap perbuatan tertuduh. Sebaliknya, mangsa hanya menyambung tidur di dalam pondok pengawal selepas kejadian tersebut berlaku. Tindakan mangsa yang terus tidur dalam keadaan tertuduh masih berada bersebelahan dengan SP1 tidak menunjukkan sebarang tanda trauma atau ketakutan seperti yang didakwa.
- [55] Tambahan pula, selepas kejadian yang didakwa berlaku sekitar bulan Jun 2021 tersebut, keterangan menunjukkan bahawa mangsa masih terus tidur bersama-sama dengan SP1 dan tertuduh di dalam bilik tidur yang sama di rumah Suria Jaya E-Soho, Shah Alam sehingga SP1 dan tertuduh bercerai pada bulan November 2021. Malah, pada bulan Julai 2021 iaitu ketika mangsa mendakwa kejadian menjilat kemaluan oleh tertuduh berlaku, mangsa masih lagi tidur di bilik yang sama bersama SP1 dan tertuduh. Ini berlaku walaupun sebelum kejadian menjilat kemaluan mangsa tersebut, mangsa mendakwa bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya di pondok pengawal Sekolah Rendah Agama Kg



Kuantan sekitar bulan Jun 2021. Selain itu, selepas kejadian Julai 2021 tersebut, mangsa juga masih terus tidur di bilik yang sama bersama SP1 dan tertuduh, sehinggalah mereka berdua bercerai pada bulan November 2021, walaupun mangsa mendakwa membenci dan marah terhadap tertuduh selepas kejadian tersebut.

[56] Keadaan ini menimbulkan keraguan terhadap kewujudan perasaan marah dan benci terhadap tertuduh sebagaimana yang didakwa oleh mangsa, memandangkan mangsa masih sanggup berkongsi bilik tidur bersama tertuduh selepas dua kejadian amang seksual yang serius didakwa berlaku.

[57] Mahkamah berpendapat bahawa sekiranya benar dakwaan mangsa bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya dan mangsa tidak menyukai perbuatan tersebut, maka adalah tidak munasabah untuk mangsa terus tidur bersama-sama dengan SP1 dan tertuduh di dalam bilik yang sama di rumah Suria Jaya E-Soho, Shah Alam selepas kejadian menggosok kemaluan mangsa tersebut yang berlaku pada bulan Jun 2021, sehingga kejadian menjilat kemaluan pada bulan Julai 2021, dan sehingga tertuduh dan SP1 bercerai pada bulan November 2021. Walaupun terdapat keterangan bahawa selepas kejadian jilat kemaluan pada bulan Julai 2021 mangsa lebih kerap tidur di bilik Lisa, meskipun hubungan mereka berdua tidak baik, namun fakta ini tidak mencukupi untuk



menyokong kebolehpercayaan keterangan mangsa mengenai kejadian menggosok kemaluan mangsa tersebut.

- [58] Oleh kerana tingkah laku mangsa semasa, dan selepas kejadian adalah tidak selari dengan dakwaan bahawa mangsa telah menjadi mangsa serangan seksual sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam para 52 hingga 57 di atas, maka Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa inferens daripada fakta bahawa mangsa masih lagi tidur bersama SP1 dan tertuduh di dalam bilik tidur yang sama selepas kejadian-kejadian yang didakwa berlaku menunjukkan bahawa kesalahan menggosok kemaluan mangsa oleh tertuduh tidak berlaku. Sehubungan itu, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan mangsa adalah tidak boleh dipercayai.
- [59] Pihak pendakwaan dalam hujahan bertulis berhujah bahawa setiap mangsa serangan seksual akan memberikan reaksi yang berbeza semasa dan selepas kejadian, memandangkan setiap individu adalah unik dan reaksi terhadap trauma juga berbeza-beza. Mangsa serangan seksual mungkin menunjukkan pelbagai tingkah laku, termasuk berdiam diri, kekeliruan, atau bahkan cuba bertindak seperti biasa bagi mengekalkan kestabilan emosi mereka. Justeru, tiada satu “cara yang betul” untuk bertindak selepas menjadi mangsa serangan seksual.



[60] Setelah Mahkamah meneliti keseluruhan keterangan mangsa serta melihat sendiri “demeanour” mangsa semasa memberikan keterangan di Mahkamah, Mahkamah berpendapat bahawa reaksi dan keterangan mangsa berhubung kejadian gosok kemaluan tersebut; baik semasa mahupun selepas kejadian adalah tidak meyakinkan dan tidak boleh diterima pakai, sebagaimana yang telah dihuraikan dalam para 52 hingga 58 di atas. Oleh itu, hujahan pihak pendakwaan berkenaan isu ini tidak boleh diterima oleh Mahkamah.

[61] Selain itu, Mahkamah juga berpendapat bahawa mangsa mempunyai motif apabila membuat tuduhan terhadap tertuduh bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya pada sekitar bulan Jun 2021. Berdasarkan keterangan, mangsa hanya menceritakan kejadian tersebut kepada SP1 selepas melihat SP1 bergaduh dengan tertuduh di dalam kereta pada 10 November 2021, iaitu lebih kurang lima bulan selepas kejadian tersebut berlaku. Alasan yang diberikan oleh mangsa bahawa beliau tidak berpeluang untuk memberitahu SP1 kerana tertuduh sering bersama-sama dengan SP1 adalah tidak munasabah. Ini adalah kerana setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, Mahkamah mendapati bahawa mangsa sebenarnya mempunyai banyak peluang untuk memberitahu mengenai kejadian menggosok kemaluan mangsa oleh tertuduh tersebut kepada SP1. Mangsa sendiri di dalam keterangannya mengakui bahawa semasa mangsa membantu SP1 berniaga makanan di gerai berhampiran



rumah mereka di Suria Jaya E-Soho, Seksyen 16, Shah Alam, dari jam 11 pagi hingga 6 petang sejak Julai 2021 hingga November 2021, ada masanya mangsa bersama dengan SP1 berniaga tanpa kehadiran tertuduh.

[62] Selain itu, SP1 di dalam keterangannya turut mengakui bahawa beliau banyak meluangkan masa bersama mangsa. Namun begitu, Mahkamah mendapati bahawa sepanjang tempoh tersebut, mangsa tidak pernah membuat sebarang aduan kepada SP1 bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya.

[63] Mahkamah berpendapat bahawa sekiranya kejadian tersebut benar-benar berlaku, adalah munasabah untuk mangsa mengambil peluang semasa bersama SP1 untuk mendedahkan kejadian tersebut, khususnya kerana mereka dikatakan sering bersama dan mempunyai hubungan yang rapat.

[64] Di samping itu, pada bulan Julai 2021, pada waktu malam ketika mangsa tidur bersama-sama SP1 di dalam bilik rumah Suria Jaya E-Soho, Shah Alam sebelum kejadian yang didakwa di mana tertuduh telah menjilat kemaluan mangsa, Mahkamah mendapati bahawa mangsa mempunyai peluang untuk menceritakan kejadian menggosok kemaluannya tersebut kepada SP1. Ini kerana menurut keterangan, pada masa tersebut, hanya mangsa dan SP1 sahaja yang berada di dalam bilik tersebut, sebelum tertuduh dikatakan masuk ke



dalam bilik tidur tersebut pada waktu tengah malam. Mangsa sendiri menyatakan bahawa ketika itu, tertuduh berada di luar rumah untuk merokok. Namun demikian, pada ketika itu, mangsa tidak mengambil peluang untuk menceritakan kejadian menggosok kemaluan yang didakwa berlaku pada bulan Jun 2021 tersebut kepada SP1. Mahkamah berpendapat kegagalan mangsa untuk berbuat demikian menimbulkan keraguan terhadap kewujudan sebenar kejadian yang didakwa itu.

[65] Oleh itu, Mahkamah bersetuju dengan hujahan Peguambela tertuduh bahawa kegagalan mangsa untuk memberitahu SP1 mengenai kejadian menggosok kemaluannya oleh tertuduh menunjukkan bahawa kejadian menggosok kemaluan tersebut tidak pernah berlaku, dan ianya adalah semata-mata rekaan mangsa selepas melihat pertelingkahan antara SP1 dan tertuduh di dalam kereta pada bulan November 2021, dengan tujuan untuk memisahkan mereka berdua.

[66] Walaupun mangsa dalam keterangannya menafikan mempunyai sebarang motif terhadap tertuduh apabila membuat dakwaan bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya, namun setelah Mahkamah meneliti keseluruhan keterangan mangsa, Mahkamah berpendapat bahawa mangsa mempunyai motif untuk memisahkan SP1 dan tertuduh. Ini kerana mangsa sendiri dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau sering melihat SP1 dan tertuduh bergaduh sejak awal perkahwinan mereka sehinggalah



mereka bercerai. SP1 dan tertuduh telah berkahwin pada bulan April 2021 dan bercerai pada bulan November 2021. Keterangan mangsa ini turut disahkan oleh SP1, yang menyatakan bahawa beliau sering bertengkar dengan tertuduh kerana tertuduh kerap menipu serta tidak menunaikan tanggungjawab sebagai suami, dan segala keperluan harian serta perbelanjaan makan minum telah ditanggung sepenuhnya oleh SP1 sepanjang perkahwinan tersebut perkahwinan tersebut. Keterangan SP1 adalah seperti berikut:

“Q: Kamu tahu tak kenapa mereka tak terima dan kurang menerima Yusman walaupun mereka tak kenal Yusman?

A: Sebab dia selalu kat rumah dan tak kerja. Semua terbeban pada mak dia, saya yang tanggung semua dari segi sewa rumah, semua la makanan, dia punya rokok, makanan dia, minyak motor, semua atas saya.

Q: Waktu mereka tak terima waktu kamu kahwin dengan beliau kan so mereka tak kenal lagi?

A: Diorang ada dengar cerita dari sayalah. Cuma lepas kahwin tu tengok dia dekat rumah selalu so dorang macam tak puas hatilah.

Q: Kamu hanya discover Yusman macam mana ni selepas berkahwin?

A: Selepas berkahwin baru tahu banyak perkara yang negatif.”



[67] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Mahkamah memutuskan bahawa keterangan mangsa bukanlah satu keterangan yang “unusually convincing”. Keterangan mangsa berkenaan dengan kejadian menggosok kemaluan mangsa adalah meragukan. Mahkamah juga mendapati bahawa mangsa adalah seorang saksi yang tidak *credible* iaitu tidak boleh dipercayai dan keterangan mangsa tidak boleh diterima oleh Mahkamah sebagai satu keterangan yang benar.

[68] Mahkamah berpendapat bahawa mangsa telah mereka-reka cerita apabila mengatakan bahawa tertuduh telah menggosok kemaluannya pada masa kejadian, Oleh itu, keterangan mangsa berkenaan dengan perbuatan tertuduh menggosok kemaluan mangsa pada hari kejadian adalah tidak selamat untuk diterima oleh Mahkamah.

[69] Sehubungan itu, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan sokongan adalah diperlukan bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen kedua ini. Mahkamah merujuk kes **PP v Mohamad Malek Ridhzuan Che Hassan [2013] 8 CLJ 359** di mana Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

- 1) *Walaupun tidak terdapat peruntukan undang-undang di Malaysia yang menghendaki bahawa keterangan pengadu dalam kes-kes seksual memerlukan keterangan sokongan, namun adalah menjadi amalan mahkamah untuk*



melihat keterangan demikian. Amalan ini telah dijelaskan dalam kes Din v. PP [1964] 1 LNS 242; [1964] MLJ 30 seperti berikut:

But the desirability for corroboration of the evidence of the prosecutrix in a rape case (which in any event has not yet crystallized into something approaching a rule of law and which is still a rule of practice and of prudence) springs not from the nature of the witness but from the nature of the offence. Never has it been suggested that the evidence of a woman as such invariably calls for corroboration. If a woman says her handbag has been snatched and if she is believed there can be no question of a conviction on such evidence being open to attack for want of corroboration. If, however, she complains of having been raped then both prudence and practice demand that evidence should be corroborated.

- 2) *Seperti mana juga kes-kes lain di mana keterangan sokongan diperlukan sebagai suatu amalan, sabitan bagi kesalahan kes-kes seksual boleh dibuat tanpa keterangan sokongan dengan syarat mahkamah telah memberi amaran kepada dirinya mengenai bahaya untuk*



bergantung hanya kepada keterangan tersebut dan berpuas hati bahawa adalah selamat untuk mengenepikan keterangan sokongan. Dalam kes PP v. Mardai [1949] 1 LNS 65; [1950] MLJ 33 Spencer Wilkinson J berkata di ms. 33:

Whilst there is no rule of law in this country that in sexual offences the evidence of the complainant must corroborated; nevertheless it appears to me, as a matter of common sense, to be unsafe to convict in cases of this kind unless either the evidence of the complainant is unusually convincing or there is some corroboration of the complainant's story.

- 3) Walau apapun jua, pada pandangan kami, sekiranya keterangan pengadu adalah 'unusually convincing', sabitan dalam kes-kes seksual boleh dibuat tanpa keterangan sokongan. Kami bersetuju dengan proposisi undang-undang yang dinyatakan di dalam kes *Kwan Peng Hong v. PP* [2000] 4 SLR 96 (Mahkamah Tinggi), apabila Yong Pung How CJ berkata di ms. 104:

But I also took great care to make clear that it is dangerous to convict on the words



of the complainant alone unless her evidence is unusually compelling or convincing (Tang Kin Seng v. PP [197] 1 SLR 46 at 58, TeoKeng Pong v. PP [1996] 3 SLR 32 (at 340 and Soh YangTick v. PP [1998] 2 SLR 42 at 50). In short, the court is to be extremely cautious is relying on the sole evidence of the complainant for a conviction. The phrase ‘unusually compelling or convincing’ simply means that the complainant's evidence was so convincing that the prosecution's case was proven beyond reasonable doubt, solely on the basis of that evidence.

- 4) *Nampaknya Mahkamah-Mahkamah di India juga telah mengambil pendekatan yang sama, iaitu sekiranya keterangan pengadu dalam kes-kes seksual adalah kredible, dan meyakinkan, ia adalah mencukupi untuk mensabitkan tertuduh tanpa keterangan sokongan.”*

[70] Berpandukan kepada kes **PP v Mohamad Malek Ridhzuan Che Hassan [supra]**, adalah wajar (prudent) bagi Mahkamah untuk bergantung kepada keterangan sokongan sebelum mensabitkan seseorang tertuduh dalam kes-kes jenayah seksual. Hal ini penting bagi memastikan bahawa keterangan



mangsa adalah benar, memandangkan kesalahan jenayah seksual lazimnya melibatkan hanya seorang tertuduh dan seorang mangsa, dan biasanya dilakukan secara tertutup serta jauh daripada pengetahuan umum.

[71] Namun demikian, dalam kes di hadapan Mahkamah ini, tiada sebarang keterangan sokongan bebas yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan secara prima facie elemen kedua ini. Tiada saksi mata di tempat kejadian, dan tiada keterangan dokumentar yang menyokong keterangan mangsa. Laporan polis (eksibit P2), keterangan SP1, dan SP3 tidak boleh dianggap sebagai keterangan sokongan bebas yang menyokong dakwaan bahawa tertuduh telah menggosok kemaluan mangsa, memandangkan kedua-dua keterangan tersebut adalah bersandarkan kepada apa yang telah diberitahu oleh mangsa kepada mereka berdua.

[72] Walaupun **Seksyen 157 Akta Keterangan** memperuntukkan bahawa – *“In order to corroborate the testimony of a witness, any former statement made by him whether written or verbal, on oath, or in ordinary conversation, relating to the same fact at or about the time when the fact took place, or before any authority legally competent to investigate the fact, may be proved”*, Mahkamah mendapati bahawa *“former statement”* mangsa kepada SP1 dan juga keterangan SP3 yang menyiasat kes ini adalah tidak memadai untuk menyokong keterangan mangsa.



ELEMEN KETIGA – TERTUDUH ADALAH BAPA TIRI MANGSA.

[73] Berkenaan dengan elemen ketiga pula, Mahkamah tidak akan membincangkan dengan lebih lanjut memandangkan pihak pembelaan tidak mempertikaikan mengenai hubungan antara mangsa dan tertuduh iaitu sebagai ayah tiri dan anak tiri semasa kejadian tersebut berlaku. Selain itu, pihak pendakwaan juga telah mengemukakan Surat Perakuan Cerai tertuduh dan SP1 yang menunjukkan bahawa SP2, iaitu ibu kandung kepada mangsa, telah berkahwin dengan tertuduh pada 12.4.2021, dan bercerai pada 11.11.2021 (rujuk Ekshibit P2: Surat Perakuan Cerai)."

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[74] Justeru itu, berdasarkan prinsip penilaian maksima ke atas keterangan saksi-saksi pendakwaan sebagaimana yang diputuskan dalam kes-kes ***Balachandran V PP [2005] 1 CLJ 85 dan Looi Kow Chai [2003] 1 CLJ 734***, Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh atas kesalahan yang dipertuduhkan dalam kes di hadapan Mahkamah ini, dan oleh yang demikian, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan pindaan tanpa dipanggil untuk membela diri.

Bertarikh pada 29 OGOS 2025



Disediakan oleh:



Rasyiah binti Ghazali
Hakim
Mahkamah Sesyen 8
Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PENDAKWA RAYA:

Puan Ruthra Raj Selvarajoo
Timbalan Pendakwa Raya
Mahkamah Sesyen 8
Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PEGUAMBELA TERTUDUH:

Encik Ameerul Aizat bin Noor Haslan
Tetuan Ameerul Aizat



S/N b4m2zbzce0eYtYtgA/Ug9A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal